

LATAR BELAKANG KERANGKA DASAR LUAR NEGERI

Wisma Putra telah menggubal satu Kerangka Dasar Luar Negeri yang bertajuk 'Focus in Continuity: A Framework for Malaysia's Foreign Policy in a Post-Pandemic World'.

Ia sejajar dengan perkembangan global dan tuntutan semasa termasuk cabaran yang timbul daripada pandemik COVID-19, di mana wujudnya keperluan supaya pelaksanaan dasar luar negeri sedia ada di bawah pentadbiran Keluarga Malaysia diperkemas demi kemaslahatan umum.

Proses penggubalan ini telah melibatkan kerjasama pelbagai pihak, termasuk Kementerian / agensi Kerajaan, ahli-ahli Majlis Perundingan Mengenai Dasar Luar Negeri (CCFP), ahli-ahli Parlimen, ahli akademik, ahli perniagaan, serta wakil masyarakat madani (CSO).

Bertemakan 'Tumpuan dalam Kesyinambungan' ('Focus in Continuity'), pelaksanaannya akan merangkumi dua (2) komponen utama seperti berikut:

- i. cabaran semasa yang perlu diberikan perhatian dan ditangani segera oleh Kerajaan, terutamanya dalam konteks pandemik COVID-19; dan
- ii. hala tuju hubungan antarabangsa Malaysia untuk jangka masa sederhana dan panjang.

Namun, Kerangka ini bukanlah dasar luar negeri yang baharu kerana prinsip asas dasar-dasar sedia ada kekal tidak berubah. Sebaliknya, ia lebih menjurus kepada pendekatan dan penekanan yang baharu kepada isu-isu tertentu mengikut perkembangan situasi di dalam dan luar negeri, lebih-lebih lagi dalam konteks pandemik COVID-19, yang dianggap penting.

Lapan (8) isu yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. Menggiatkan Semula Hubungan Malaysia Di Dalam Ekonomi Global (Revitalise Malaysia's Links to the Global Economy);
- ii. Diplomasi Kesihatan (Health Diplomacy);
- iii. Ekonomi Digital (Digital Economy);
- iv. Keselamatan Siber (Cybersecurity);
- v. Diplomasi Kebudayaan (Cultural Diplomacy);
- vi. Falsafah Hidup Bersama Dalam Budaya Damai (Peaceful Coexistence);
- vii. Mendukung Prinsip Multilateralisme (Upholding Multilateralism); dan
- viii. Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (Sustainable Development Goals 2030 – SDGs).